

22 DEC 2002

KAMPUNG MODEN: MELAKA HANTAR PEGAWAI KE KEDAH

MELAKA, 22 Dis (Bernama) -- Kerajaan negeri akan menghantar rombongan pegawainya ke perkampungan moden di dua kampung di Kubang Pasu, Kedah, pada Januari depan untuk mendapatkan maklumat mengenai konsep kampung itu untuk dilaksanakan di Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata pada masa ini, kerajaan negeri menjalankan program satu daerah satu produk di Melaka iaitu bagi Melaka Tengah produknya industri pakaian, Alor Gajah (kraftangan) dan Jasin berasaskan makanan.

"Kerajaan menyokong cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam untuk membangunkan perkampungan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan termasuk industri kecil dan di Melaka, kita sedang cari lokasi yang sesuai," katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan bakal haji 1423 Hijrah di Seri Negeri, hari ini.

Beliau berkata jika perkampungan itu diwujudkan di Jasin, ia akan menjadi pusat pengeluaran bahan makanan dan begitu juga di daerah lain mengikut produk pengeluaran masing-masing.

Semalam, Dr Mahathir berkata Temin dan Binjal, kedua-duanya di Kubang Pasu, dijadikan projek perintis konsep itu dan jika ia mendapat sambutan baik, ia akan diperluaskan di seluruh negara.

Melalui konsep perkampungan moden itu, kerajaan akan membina rumah dan menjual kepada penduduk luar bandar dengan harga murah serta mewujudkan kawasan industri supaya penduduk di situ mempunyai pekerjaan.

Seramai 2,013 bakal haji diraikan pada majlis itu anjuran kerajaan negeri, Tabung Haji dan Majlis Agama Islam Melaka. Mereka akan berlepas ke Tanah Suci mulai Januari ini.

-- BERNAMA

SBS NAK